

10/07/2003

Malaysia-Thai sekutu strategik

PERDANA Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra menerangkan mengenai wawasannya untuk melihat negara Asean membentuk satu pakatan strategik yang mengumpulkan kekuatan setiap negara anggota demi kebaikan bersama.

Dalam temuramah eksklusif dengan Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd, Tan Sri Abdullah Ahmad, di pejabatnya di Bangkok semalam, Thaksin juga menerangkan usahanya untuk menstruktur negaranya menjadi Thailand Inc, dan usaha mengukuhkan lagi hubungan dengan Malaysia.

S: Perdana Menteri. Terima kasih kerana menerima kami. Thailand sudah melaksanakan permodenan, sudah berubah dan sedang berubah dengan pantas. Saya tidak pernah melihat sesuatu seperti apa yang berlaku sekarang dan ada penggantungan harapan terhadap kepemimpinan anda. Thailand adalah satu-satunya negara dalam Asean yang tidak pernah dijajah dan saya percaya jika ada seseorang yang boleh membawa Thailand kepada kejayaan cemerlang, orang itu adalah anda. Saya mungkin salah tetapi saya rasa anda mampu melakukannya. Apa kata anda?

Thaksin: Saya mencuba sebaik yang mungkin tetapi saya tidak tahu sejauh mana saya boleh berjaya. Ia amat sukar kerana tentangan terhadap perubahan sentiasa ada tetapi anda perlu mempunyai keazaman yang kuat untuk berubah. Seperti kebanyakan ahli falsafah yang berkata jika anda mahu menjadi pemimpin yang baik, anda mesti pandai bercerita. Justeru, anda perlu memberitahu rakyat bahawa anda membawa mereka ke tempat yang lebih baik. Jika tidak tentangan terhadap perubahan akan terlalu kuat. Anda perlu memberitahu mereka cerita mengenai masa depan mereka. Ini amat sukar bagi orang Asia, terutamanya orang Buddha, untuk mengikut wawasan itu kerana mereka bersyukur dengan kehidupan semasa mereka. Mereka mungkin mengadu sedikit tetapi tidak ada apa-apa. Mereka tidak kisah sangat mengenai perubahan pantas. Tetapi dalam tempoh pemerintahan saya, saya mahu berubah dengan pantas. Saya mahu bergerak pantas. Sekarang anda bersaing sesama sendiri dari segi kepesatan pembangunan ekonomi.

S: Mengikut sejarah, hubungan Malaysia dan Thailand adalah amat rapat. Sejauh manakah ia berkembang sejak anda menjadi Perdana Menteri dua setengah tahun lalu?

Thaksin: Saya rasa hubungan dua hala dengan Malaysia, terutamanya sejak dua setengah tahun lalu sudah berkembang amat baik. Ini kerana saya percaya jiran terdekat adalah lebih penting kepada Thailand daripada jiran yang jauh. Ini kerana kita perlu hidup bersama selama-lamanya. Kita tidak

boleh berpisah. Kita hanya ada satu matlamat iaitu hubungan yang baik. Kita perlu erat. Bukan hanya rapat kerana kita saling mengenali tetapi kita perlu erat dengan menjadi sekutu strategik.

S: Sudah tentu dan ini dibantu dengan hakikat bahawa anda dan (Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) berkongsi matlamat sama untuk Asia.

Thaksin: Saya seorang pemimpin baru dan lebih muda. Maka saya tidak mempunyai masalah untuk mengagumi Dr Mahathir dan menganggap beliau sebagai pemimpin lebih senior dari segi kehidupan politik, usia dan pengalaman. saya sudah mengagumi beliau sejak bertahun-tahun lalu, malah sebelum saya membabitkan diri dalam politik. Maka apabila saya bertemu beliau, saya bercakap dengan beliau secara ikhlas seperti mana mereka yang lebih junior dan mahu belajar daripada beliau.

Beliau pula amat baik dengan saya. Beliau memberikan saya banyak nasihat yang baik selain mengadakan aktiviti bersama bagi mempertingkatkan lagi hubungan dua hala dan bergerak pantas, terutamanya ketika musim Hari Raya lalu.

Saya memberitahu beliau bahawa saya mahu membawa keseluruhan Kabinet. Saya katakan tolong terima jemputan saya bagi mengadakan mesyuarat bersama Kabinet. Ia adalah yang pertama seumpamanya di dunia. Dan beliau menerimanya dengan baik. Ia menarik perhatian seluruh dunia. Itulah yang berlaku di bawah kepemimpinan kami berdua.

S: Ada khabar angin di Kuala Lumpur mengatakan anda akan ke Langkawi hujung bulan ini. Apakah kisahnya?

Thaksin: Ya, saya akan pergi pada 27 Julai. Ia akan berkaitan dengan sains dan teknologi. Kami akan berkerja sama dengan MIGHT Malaysia.

S: Apa bidang lain yang anda ingin eratkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara kita?

Thaksin: Sebenarnya seluruh rantau, khususnya Thailand, Malaysia, Singapura, Indonesia, patut merangka beberapa strategi bersama. Dan kita patut bergabung tenaga. Anda tahu dalam perniagaan kita ada pakatan. Anda perlukan ekonomi berskala. Tetapi kami adalah negara kecil dengan 53 juta penduduk. Tidaklah kecil sangat tetapi agak kecil berbanding 1.3 bilion penduduk di China. Maka jika kita boleh bersama memikirkan secara strategik, keadaannya akan lebih baik. Kita sedang mengubah landskap negara secara dua hala atau pelbagai hala di dunia ini. Kita mempunyai pelbagai wawasan negara yang boleh kita dapatkan kekuatan dan satu tambah satu akan bersamaan lebih dari dua. Saya rasa kita boleh melakukannya pada masa depan.

S: Nampaknya projek saluran paip gas Thai-Malaysia sedang dilaksanakan seperti dirancang. Adakah anda gembira dengan kemajuan yang dilakukan Petronas?

Thaksin: Saya rasa Petronas mungkin bergerak amat pantas, terutamanya ketika krisis. Ia mengendalikan banyak aktiviti yang diberikan kerajaan Malaysia. Petronas dan PTT (Pihak Berkuasa Petroleum Thailand) mempunyai hubungan amat baik. Tetapi Petronas mungkin lebih sibuk sedikit daripada PTT kerana perniagaan berkembang amat pesat. Bagaimanapun, kami ingin

melihat Petronas dan PTT bekerjasama lebih rapat sama dalam bidang berkaitan tenaga. Saya juga membincangkan idea ini dengan menteri Dialog Kerjasama Asia bahawa Asia patut berbincang mengenai keselamatan tenaga dan makanan kerana kita makmur dengan makanan dan tenaga dan kita patut menggunakan kekuatan ini dan merangka strategi supaya Asia memiliki keselamatan makanan dan tenaga. Idea ini perlukan usaha dan kekuatan daripada negara lain di Asia.

S: Saya difahamkan ada sebilangan pelajar Thai yang belajar di Universiti Petronas. Saya yakin anda ingin melihat lebih ramai pelajar Thai ke sana?

Thaksin: Ya, saya rasa terutamanya pelajar dari selatan. Mereka mereka menganggap Malaysia sebagai saudara, sebagai sepupu mereka.

S: Kami juga menganggap orang Thai sebagai senior, jiran yang baik dan saudara. Saya berasal dari Kelantan, saya faham.

Thaksin: Mengapa anda tidak menemubual saya dalam bahasa Thai (ketawa) supaya saya dapat bercakap jauh lebih baik daripada menggunakan bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris saya tidak seberapa. Penguasaan terhadapnya tidak pernah kekal bersama saya setiap masa. (ketawa).

S: Bahasa Inggeris anda sempurna. Skil komunikasi anda baik. (ketawa) Perdana Menteri, betapa seriuskah pergerakan pembebasan di selatan dan ancaman daripada penganas beragama Islam? Apakah mereka mempunyai jalinan erat di peringkat antarabangsa.

Thaksin: Anda tahu bahagian selatan Thailand mempunyai majoriti penduduk Islam. Tetapi mereka boleh hidup bersama dengan budaya Thai dan masyarakat Buddha Thailand secara harmoni. Tak ada banyak masalah serius. Mungkin ada beberapa tetapi bilangannya sedikit. Apa saja yang berlaku di selatan sudah dilaporkan akhbar, tetapi banyak perkara yang berlaku di selatan adalah serupa dengan apa yang berlaku rantau lain seperti jenayah terancang membabitkan dadah dan perdagangan wanita dan pencerobohan hutan. Itu sudah berlaku di selatan. Tetapi beberapa aktiviti adalah berbeza seperti senjata peperangan seperti raifal AK47 dan M16 menjadi komoditi di selatan kerana aktiviti berkaitan Jemaah Islamiah (JI) dan Aceh. Mungkin jadi masalah apabila mereka menggunakan belia untuk dadah atau menganggotai beberapa kumpulan seperti Bersekutu. Aktiviti tak besar sangat tetapi beritanya lebih besar daripada keadaan sebenar. Bagaimanapun, dengan kerjasama Malaysia, kami dapat menanganinya dengan mudah.

S: Raja dan Permaisuri Thailand, (bekas Perdana Menteri) Chuan Leekpai dan anda memberi peluang dan kedudukan yang tinggi kepada masyarakat Islam di Thailand. Apakah perancangan anda bagi memastikan mereka memberi lebih banyak sumbangan dalam kerajaan?

Thaksin: Kita cuba menjemput mereka menyertai parti kami. Namun, tidak ramai yang benar-benar berminat dalam politik. Bagaimanapun, kita ada ahli seperti Khun Wan Mohamad Nor Matha, yang berjaya membawa beberapa ahli dari kalangan masyarakat Islam. Kita mahu lebih ramai (dalam politik).

Bukan saja masyarakat Islam kerana kita di Thailand memberi kebebasan beragama kepada semua. Oleh itu, kita membenarkan sesiapa saja tanpa mengira agama menyertai politik, begitu juga wanita. Tetapi, tidak ramai daripada mereka yang berminat.

S: Anda menyatakan bahawa anda dan Dr Mahathir berkawan baik serta berkongsi matlamat dan mempunyai dasar yang sama. Bagaimana anda melihat hubungan Thai-Malaysia selepas Dr Mahathir melepaskan jawatannya pada November akan datang?

Thaksin: (Datuk Seri) Abdullah Ahmad Badawi adalah rakan sejawatan saya ketika saya memegang jawatan Menteri Luar. Kami adalah kawan dan mempunyai hubungan yang amat baik. Malah, dua kali saya melawat Malaysia. Kali pertama, lawatan rasmi dan itu adalah pertemuan pertama saya dengan Dr Mahathir. Kali kedua, ketika mesyuarat jawatankuasa bersama.

S: Adakah kita boleh mengharapkan hubungan dua hala ini akan bertambah baik atau setidak-tidaknya sama seperti sekarang?

Thaksin: Ya, sudah tentu. Saya akan cuba untuk melakukan yang lebih baik. Bukan kerana saya lebih rapat dengan Abdullah berbanding Dr Mahathir tetapi kerana saya akan ada di sini lebih lama dan ada lebih banyak masa untuk memikirkan bagaimana kedua-dua negara dapat mengeratkan hubungan.

S: Sebagai jiran terdekat Myanmar atau Burma, apakah bentuk hubungan yang boleh dijalin kedua-dua negara khususnya dalam kes Aung San Suu Kyi. Apakah sensitiviti yang perlu diberi perhatian dalam isu berkenaan, juga isu lain?

Thaksin: Matlamat kami adalah mewujudkan kedamaian di Myanmar. Saya mahu melihat peranan Thailand bukan saja dalam isu Aung San Suu Kyi malah dalam isu membabitkan kumpulan minoriti di sempadan Thai-Myanmar, yang menentang kerajaan Myanmar. Saya mahu mereka berhenti bertelagah dan menjadi negara yang bersatu. Thailand amat memandang serius isu Aung San Suu Kyi dan kami sentiasa mengadakan dialog dengan kerajaan Myanmar serta menjelaskan kepada mereka mengenai keprihatinan dunia dalam isu itu. Saya menjelaskan kepada mereka mengenai kemungkinan sekatan daripada banyak negara dan untuk itu mereka perlu berbuat sesuatu. Jika negara ini mengenakan sekatan, ia pastinya akan mengambil masa yang lama untuk mereka menariknya balik. Jika ini berlaku, ia akan memburukkan keadaan di Myanmar. Pada masa ini, mereka menghadapi masalah ekonomi dan rakyat negara itu masih terlalu miskin. Saya memberitahu mereka, jika mereka dikenakan sekatan, negara mereka akan kesusahan. Kami bimbang dan untuk itu, kami membantu dengan menjalin hubungan erat dalam aspek ekonomi serta di sempadan.

S: Bagaimana hubungan Thai-Kemboja ketika ini, lebih-lebih pilihan raya umum semakin hampir?

Thaksin: Kami tidak mempunyai masalah, tidak kira siapa yang menang, kita boleh bekerjasama dengan mereka. Bagaimanapun, saya berpendapat Kemboja lebih maju secara politik berbanding Myanmar dan Laos, jika mengambil kira aspek institusi demokrasi. Sungguhpun mereka tidak mencapai tahap atau piawai negara moden, saya berpendapat mereka ada kemajuan. Adakalanya, negara kekal miskin, tetapi kita perlu lebih masa. Demokrasi adalah alat atau jalan untuk mencapai matlamat iaitu kehidupan rakyat yang lebih baik, keamanan dan kemajuan negara. Itulah matlamatnya dan demokrasi hanya satu cara untuk mencapainya. Tetapi, kadang kala kita meletakkan jalan itu sebagai matlamat dan ini adalah sesuatu yang mustahil.

S: Ada pihak beranggapan hubungan kita dalam hal Myanmar ini bertentangan dengan prinsip Asean iaitu tidak campur tangan dalam hal ehwal dalam negara anggota.

Thaksin: Saya tidak rasa begitu. Kita masih lagi mengekalkan hubungan yang membina. Dalam hal ini, hubungan ini masih lagi bersifat membina tetapi dalam cara yang lebih moden berbanding dulu. Kita sedang cuba membantu rakan yang lain. Bagaimanapun, jika sekatan dilaksanakan ia akan menjejaskan ekonomi jiran kita.

S: Thailand akan menjadi tuan rumah kepada persidangan APEC Oktober nanti. Mengapa anda mahu Dr Mahathir menghadiri persidangan ini? Jika tidak kerana ini, Dr Mahathir sudah pasti melepaskan jawatannya lebih awal. Bagaimanapun, beliau terus memegang jawatannya kerana difahamkan beliau mahu menghadiri persidangan ini.

Thaksin: Beliau memang baik hati. Adalah satu penghormatan apabila Dr Mahathir membenarkan Abdullah mewakili beliau dalam mesyuarat Apec pada 2002 (di Mexico), tetapi bagi Thailand, beliau sendiri akan hadir pada persidangan ini. Ini satu penghormatan kepada saya dan Thailand. Kami akan dapat berkongsi sedikit sebahagian daripada sejarah beliau, iaitu mesyuarat Apec terakhir yang dihadiri Dr Mahathir ialah di Thailand.

S: Ini memberi masalah kepada saya. Setiap wartawan di pejabat saya ingin menghadiri mesyuarat ini. Saya akan membawa kira-kira 20 wartawan termasuk dari televisyen.

Thaksin: Minggu itu akan menjadi saat paling sibuk bagi saya seumur hidup. Ini kerana saya akan menerima kunjungan hormat dari kerajaan China, Amerika Syarikat dan Russia serta kunjungan rasmi dari Peru dan Chile. Selain itu, lawatan dan perbincangan dua hala dari sektor awam dan swasta. Saya pasti akan terlalu sibuk.

S: Anda muda, aktif, sihat dan sukakan kerja anda.

Thaksin: Lima puluh empat tahun mungkin dianggap muda tetapi hakikatnya, saya sudah bekerja keras sejak remaja dan menggunakan tenaga saya secara berlebihan. Saya rasa saya sudah tua pada usia 54 tahun ini.

S: Usaha memerangi dadah? Bagaimana maklum balas rakyat. Adakah ia memberi kesan kepada umum dan adakah anda mendapat sokongan majoriti rakyat Thai?

Thaksin: Kempen ini telah mengubah kehidupan rakyat, terutama di kawasan

padat di luar bandar dan di kalangan golongan pekerja. Mereka datang kepada saya dan berkata mereka memikirkan mereka sudah kehilangan anak mereka tetapi akhirnya mereka mendapat semula anak mereka kerana kempen ini. Saya boleh mengisytiharkan bahawa kita sangat berjaya.

S: Sudah tentu, hasil daripada kejayaan kempen ini, anda berhadapan dengan ancaman. Apakah anda boleh menghadapinya?

Thaksin: Sebagai Perdana Menteri, banyak persediaan dari segi keselamatan dibuat untuk anda. Sebelum ini ketika saya berkhidmat untuk negara sebagai seorang anggota polis, tugas pertama saya ialah sebagai polis peronda sempadan. Saya tidak pernah takut.

S: Apakah anda lihat Thailand di bawah kepimpinan anda, saya harap akan bertahan lama, berada pada kedudukan politik yang paling stabil. Apakah kesannya kepada politik dan ekonomi?

Thaksin: Pembangunan ekonomi yang berterusan dan perubahan yang berterusan diperlukan untuk Thailand. Thailand memerlukan kerajaan yang stabil dan politik yang stabil untuk tempoh sekurang-kurangnya 16 tahun bagi membolehkan ia cukup kuat dan bertambah kuat. Thailand, saya boleh beri jaminan, di bawah kepimpinan saya, akan menikmati kestabilan politik untuk tempoh yang lama. Saya akan menjadi Perdana Menteri untuk lapan tahun dan selepas itu pengganti saya akan mengambilalih.

S: Hanya untuk lapan tahun?

Thaksin: Itupun sudah terlalu lama bagi saya.

S: Jadi anda ada enam tahun lagi? Lee Kuan Yew bertahan selama 35 tahun dan Dr Mahathir selama 22 tahun.

Thaksin: Saya mahu bersara pada usia 60 tahun (sambil ketawa). Pada ketika itu usia saya mencecah 59 1/2 tahun dan hampir kepada persaraan. Walaupun begitu, parti Thai Rak Thai akan mampu memenangi pilihan raya banyak kali disebabkan apa yang kita lakukan. Kita melakukannya untuk rakyat. Kita bukan melakukannya untuk diri sendiri.

S: Anda tidak serius, untuk bersara dalam tempoh enam tahun lagi?

Thaksin: Saya serius. Kalau tidak, saya tidak akan umumkan. Anda tahu di Thailand, perubahan politik berlaku secara kerap. Sehingga anda mungkin

tidak akan terfikir bahawa anda akan menjadi Perdana Menteri selepas pilihan raya akan datang. Tidak ada orang berani mengatakannya. Tapi saya

berani mengatakan bahawa saya akan berada di sana selama lapan tahun. Tapi

jika rakyat kata "tidak... tidak... tidak... anda patut kekal lebih lama..."

S: Adakah kita sudah melihat berakhirnya pembabitan lama Angkatan Tentera dalam pemerintahan Thailand? Dan apakah peranan Angkatan Tentera sekarang selain memelihara keamanan, mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan Thailand?

Thaksin: Thailand adalah negara demokratik. Jadi peranan Angkatan Tentera ialah untuk menjaga keamanan dan membantu membangunkan kawasan luar bandar dan kini membantu dalam operasi memerangi dadah serta pemulihan penagih. Mereka telah melakukan kerja itu dengan baik. Apapun, kita perlu mengukuhkan lagi Angkatan Tentera. Mereka ibarat insurans untuk

negara. Pada masa aman anda masih perlu membayar premium insurans.

Anda tidak mahu rumah anda dibakar. Anda perlu menyediakan perbelanjaan di situ. Jadi Angkatan Tentera akan disokong oleh kerajaan bagi memastikan mereka sentiasa bersedia sedia menghadapi kecemasan. Pemimpin Angkatan Tentera amat berdisiplin. Mereka memberi sokongan padu kepada kerajaan terutama saya sendiri, memandangkan saya datangnya dari akademi Angkatan Tentera. Kami mempunyai hubungan yang baik. Jadi kami tidak ada masalah. Dan peranan mereka akan dihadkan kepada memelihara keamanan, pembangunan luar bandar, operasi memerangi dadah dan pemulihan.

S: Pembangunan Malaysia dan Singapura nampaknya berada dalam keadaan baik. Apakah anda fikir puncanya dan bagaimana pula Thailand secara keseluruhan? Apakah kepimpinan yang lama dan kestabilan menjadi titik tolak kepada pembangunan ini?

Thaksin: Ya. Saya rasa kepimpinan yang lama amat penting. Kepemimpinan yang lama dan berkemampuan. Anda perlukan ini. Dan jika anda memiliki ini, secara automatik anda akan mendapat sokongan umum. Ini kerana demokrasi datang daripada rakyat. Jadi, jika anda melakukan sesuatu yang baik untuk rakyat, mereka akan memberi sokongan kepada anda dan memastikan anda terus menerajui negara. Pada masa lalu, politik Thai agak lemah. Kami kehilangan peluang untuk menikmati pembangunan berterusan. Kini sudah tiba masanya untuk Thailand membawa balik apa yang kami telah hilang pada masa lalu.

S: Saya lihat anda sebagai seorang yang efisien dan sistematik, tegas, amat berkuasa dan popular, yang akan melakukan apa yang perlu dilakukan walaupun perkara yang tidak popular demi menjamin kemajuan Thailand dan memastikannya menjadi negara maju mungkin sebelum 2020 (tahun sasaran yang ditetapkan oleh Dr Mahathir untuk Malaysia). Apakah anda khuatir terhadap mereka yang menentang usaha anda dan apakah yang anda telah lakukan dan sedang lakukan terhadap orang ini yang mahu menghalang anda daripada melakukan apa yang anda mahu lakukan untuk Thailand.

Thaksin: Jika wawasan saya betul, jika saya melakukan perkara yang betul, saya tidak kisah dengan apa-apa pun. Sebarang tentangan tidak akan memberi kesan kepada saya. Saya mungkin lantang bersuara, jika ada yang melemparkan kritikan salah terhadap saya, saya akan menjawab mereka. Saya tidak mahu orang ramai dikelirukan oleh mereka yang tidak mempunyai wawasan terhadap negara. Atau mereka yang tidak tahu apa yang kita lakukan. Saya akan cuba menjelaskan semua kekeliruan itu. Saya perlu menerangkan keadaan sebenar setiap kali timbul kekeliruan. Saya amat yakin anggota Kabinet saya memahami falsafah saya. Mereka bekerja keras dan tidak kisah asalkan kita mempunyai destinasi. Dan inilah wawasan, jika kita fikirkan kita betul, kita akan teruskan dan terus mara.